



SIARAN MEDIA

PARLIMEN PELENGKAP SISTEM PENTADBIRAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 01 April – “Parlimen bukan hanya sebagai pelengkap dan pemudahcara sahaja tetapi sebuah badan legislatif pelengkap dalam sistem pentadbiran negara di samping badan eksekutif dan badan kehakiman”.

Demikian ujar YB Senator Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim, Yang di-Pertua Dewan Negara semasa berucap menyempurnakan Majlis Apresiasi Kecemerlangan 2021 dan Perhimpunan Dwibulanan Parlimen Malaysia Tahun 2022 di Dewan Bankuet, Blok Utama, Parlimen Malaysia hari ini.

Menurut beliau lagi, “Jika tiada Parlimen maka tiadalah undang-undang, dan jika tiada undang-undang negara kita akan menjadi kucar kacir”. Tambah beliau sekiranya institusi Parlimen tidak wujud di negara ini, maka tidak akan ada perkhidmatan awam, menteri, kabinet dan kehakiman. Justeru, institusi Parlimen perlu diletakkan pada kedudukan sepatutnya kerana ia adalah asas bagi pembentukan negara Malaysia.

Dalam majlis tersebut, seramai 28 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 18 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT). Selain itu, dua orang yang telah berkhidmat genap 30 tahun dalam perkhidmatan awam turut menerima Anugerah Khidmat Setia (AKS). Turut diraikan dalam majlis tersebut lima pegawai yang bersara dan bakal bersara dalam tahun ini.

Turut hadir di majlis itu ialah YB Senator Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia, YBrs. Tuan Muhd Sujairi bin Abdullah, Setiausaha Dewan Negara, YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Macha Mydin, Setiausaha Dewan Rakyat, YBrs. Tuan Riduan bin Rahmat, Setiausaha Bahagian Pengurusan dan semua warga Parlimen Malaysia.

Dalam ucapan perasmian beliau, Tan Sri Rais juga turut menekankan agar warga Parlimen dapat menyemai semangat dan budaya untuk berkhidmat dalam setiap pekerjaan yang dilaksanakan di samping berpegang teguh kepada ajaran agama, undang-undang dan nilai yang baik. Pemahaman terhadap fungsi Parlimen sebagai institusi legislatif negara perlu disemai dalam kalangan masyarakat agar mereka faham dan tahu apa sebenarnya yang dikatakan sebagai Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

**Bahagian Komunikasi,
Parlimen Malaysia**

01 April 2022 / 29 Syaaban 1443H